

11/02/1997

Kad pintar memudahkan semua transaksi

Kadir Dikoh

JIKA anda terlupa membawa dompet atau wang tunai ketika ingin membeli-belah, anda tidak perlu risau jika membawa bersama kad kredit. Tetapi pergerakan anda terbatas kerana anda tidak mungkin boleh membeli barangan yang harganya dalam lingkungan RM10 menggunakan kad kredit.

Namun, jika segala perancangan berjalan lancar, masalah ini akan dapat diatasi menjelang tahun depan apabila sistem penggunaan kad pintar diperkenalkan di negara ini.

Kad terbabit boleh digunakan dalam semua transaksi elektronik termasuk sebagai kad kredit. Ia adalah satu daripada tujuh aplikasi utama yang akan diperkenalkan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Antara ciri istimewa dirancangkan ialah untuk memasukkan 'dompet elektronik' ke dalam kad pintar iaitu sebagai cip mikro bagi menghubungkannya kepada akaun pemegangnya yang boleh digelar sebagai wang elektronik.

'Dompet elektronik' ini akan membolehkan seseorang membeli tanpa menggunakan wang tunai walaupun untuk transaksi kecil seperti membeli surat khabar, gula batu atau makanan ringan menggunakan kad pintar itu.

Anda cuma perlu memberikan kad pintar itu kepada peniaga yang akan melakukan transaksi seperti juga kaedah kad kredit biasa. Pada tempoh tertentu dan bergantung kepada keselesaan diri, peniaga itu kemudian boleh mendapatkan pemindahan wang tadi daripada mana-mana bank untuk dikreditkan pula ke dalam akaun peribadinya atau syarikat.

"Ini akan menjadikan Malaysia sebagai masyarakat tanpa tunai. Untuk transaksi yang besar memerlukan nombor pin pemiliknya bagi menjamin keselamatan urus niaga. Semua ini masih dalam peringkat cadangan," kata satu sumber yang ada kaitan dengan MSC untuk projek kad pintar.

Itulah antara gambaran awal mengenai kad pintar dan sudah tentu banyak lagi ciri istimewa boleh dimuatkan termasuk lesen memandu, rekod persekolahan dan kad pengenalan untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Budaya penggunaan kad sebesar kad pengenalan dalam urusan harian sebenarnya sudah dipraktikkan oleh sebahagian masyarakat negara ini sejak beberapa tahun lalu tetapi dalam pelbagai kaedah termasuk "wang plastik".

Di ibu negara, penumpang Sistem Transit Aliran Ringan (Star) membeli kad khas sebelum boleh menaikinya. Telefon menggunakan kad pula sudah sebar dengan masyarakat negara ini. Semua itu adalah satu perubahan ke arah masyarakat tanpa menggunakan wang tunai dalam transaksi harian. Sekarang, kebanyakan hotel sudah menukar penggunaan anak kunci kepada kad plastik untuk membuka bilik penginapan.

Menurut sumber itu lagi, penggunaan kad pintar akan menjadi pemangkin utama dalam MSC. Bagaimanapun, kad itu sudah digunakan secara meluas di Amerika Syarikat dan Jepun.

Katanya, apa yang membimbangkan mengenai kad pintar ialah dari segi penerimaan rakyat sendiri seperti sama ada mereka bersedia atau berasa selesa apabila kad pengenalan turut dimasukkan ke dalam kad pintar itu.

"Ini kerana kemungkinan seseorang itu tidak selesa untuk mengeluarkan atau memasukkan kad pengenalan ke mesin ATM yang kadang-kala boleh tertelan menyebabkannya hilang dokumen penting.

"Bagaimanapun, buat permulaan, kad pintar itu mungkin mempunyai aplikasi mudah kerana kita tidak boleh terlalu bercita-cita untuk memasukkan segalanya sekali gus," katanya.

Bank Negara sudah dilantik oleh kerajaan untuk menerajui projek kad

kredit itu dan keahliannya turut membabitkan kebanyakan bank tempatan selain perunding antarabangsa.

Mereka terbabit sedang mengkaji pelbagai kaedah terbaik sebelum muncul dengan idea bijak iaitu sebijak nama kad itu sendiri dengan harapan supaya ia tidak menyukarkan penggunaanya atau membebankan orang ramai dalam mengharungi dunia siber yang serba canggih.

Dalam pada itu pula, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Telekom Malaysia Bhd (Telekom Malaysia), berjaya menghasilkan perisian kad pintar setanding dengan keluaran negara maju, yang membolehkan pemegangnya membuat urusan dalam semua transaksi elektronik sebagai kad kredit, telefon dan keahlian kelab.

Pengurus Besar (R & D) Telekom Malaysia, Zainal Aripin Zakariah berkata, perisian itu dikeluarkan hasil penyelidikan lebih setahun dan ia berupaya mengeluarkannya melalui usaha sama dengan beberapa syarikat lain.

"Kami hanya menunggu keputusan kerajaan mengenai penggunaannya. Maknanya, kalau diputuskan hujung tahun ini, pun boleh. Kita hanya memerlukan masa untuk mendirikan kilang dan menyediakan tenaga kerja pengeluaran," katanya.

Usaha memperkenalkan kad pintar itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempromosikan MSC di Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini.

Sementara itu, lima akta undang-undang siber yang berkaitan dengan MSC dijangka dibentangkan di sidang Dewan Rakyat Mac ini dan draf dua daripadanya iaitu Akta Tandatangan Digital dan Akta Jenayah Komputer sudah siap.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata tiga lagi ialah Akta Teleperubatan, Akta Fungsi Kerajaan Elektronik dan Akta Penyatuan Multimedia.

Katanya, akta penyatuan multimedia yang bertujuan menggabung dan memperbaharui undang-undang telekomunikasi, penyiaran dan penerangan berdasarkan perkembangan semasa, akan siap akhir tahun ini.

"Malah, akta hakcipta akan juga dipinda untuk disesuaikan dengan keperluan semasa terutama bagi memasukkan kandungan yang lebih banyak dan meningkatkan lagi soal penguatkuasaan," katanya dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Apabila semua undang-undang itu diluluskan, MSC akan mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dengan undang-undang sokongan, dasar dan peraturan yang diperlukan.

Dr Mahathir ketika promosi itu juga berkata undang-undang itu penting bagi membolehkan syarikat yang beroperasi di MSC dilindungi daripada kegiatan cetak rompak, jenayah komputer dan penipuan.

Sumber industri berkata, undang-undang siber dijangka dapat menggalakkan lebih banyak syarikat teknologi maklumat multinasional membuka cawangan di negara ini kerana yakin dengan kemantapan kerajaan melindungi pelaburan mereka.

Moggie yang turut mengiringi lawatan promosi MSC itu berkata, akta tandatangan digital bertujuan merangka kerja pengawasan bagi pengesahan oleh pihak berkuasa dan bagi menjamin sekuriti digital serta tindakan terhadap penyelewengan.

Katanya, akta jenayah komputer adalah untuk memastikan mereka yang menyalahguna atau penyelewengan siber boleh diambil tindakan.

(END)